



Ahmad meninjau kawasan pencemaran dan pembuangan plastik sekitar Parit Jawa dan Pantai Seri Menanti., Muar, baru-baru ini.



Haiwan akuatik seperti ikan dan penyu terdedah dengan ancaman plastik hanyut ini, terutama penyedut minuman kerana ia sering disalah sangka sebagai sumber makanan mereka”

Ahmad Ismail,
Pensyarah Jabatan Biologi
Fakulti Sains UPM

Pembuangan sisa pepejal ancaman terbesar dunia

➔ Bahan plastik tidak mudah terurai mudaratkan manusia, haiwan akuatik

Oleh **Badrul Kamal Zakaria**
badrulkamal@nstp.com.my

► Muar

Pembuangan bahan sisa buangan pepejal, khususnya bahan yang diperbuat daripada plastik dilihat akan menjadi ancaman alam sekitar terbesar dunia, khususnya di negara yang dikelilingi lautan termasuk Malaysia.

Bahan plastik yang tidak mudah terurai berbanding sisa pepejal lain menyebabkan bahan buangan itu kekal lama, seterusnya memudaratkan bukan sahaja haiwan akuatik, tetapi juga manusia.

Pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata haiwan akuatik seperti ikan dan penyu sememangnya terdedah dengan ancaman plastik hanyut ini, terutama penyedut minuman ke-

rana ia sering disalah sangka sebagai sumber makanan mereka.

“Plastik, khususnya dalam bentuk botol atau penyedut minuman yang hanyut di lautan ini lama kelamaan akan pecah menjadi partikel yang lebih kecil dan partikel itu juga akan dimakan oleh haiwan marin kerana menyangkakan ia makanan mereka.

Tindak balas kimia

“Lebih membimbangkan, kesan plastik yang dimakan oleh ikan umpamanya boleh menyebabkan berlaku tindak balas kimia di dalam badan ikan itu yang kemudian diserap ke dalam tisu ikan dan ia pula dimakan pula oleh manusia itu sendiri,” katanya.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) berkata demikian kepada NSTP ketika melakukan pemerhatian mengenai tahap di beberapa kawasan pesisir pantai di daerah ini, baru-baru ini.

Tinjauan NSTP di lokasi pantai terbabit juga mendapati banyak kesan sisa buangan plastik ditemui dengan mudah di kawasan pantai dengan kebanyakannya terlekat pada ranting dan di celah akar pokok bakau yang menunjukkan ancaman ini semakin membimbangkan.

Ia sekali gus menjadi bukti setiap sisa buangan yang dibuang ke dalam laut akan kembali ke daratan dan pada masa

sama boleh memberi kesan kepada ekosistem alam yang lain.

Lebih membimbangkan, pencemaran laut berkenaan juga secara tidak langsung boleh memberi ancaman besar kepada industri perikanan negara kerana ia juga berupaya merosakkanimbangan ekosistem di laut hingga menyebabkan populasi ikan berkurangan.

Dr Ahmad berkata, lebih membimbangkan, sisa buangan plastik ini boleh berlaku dan memberi kesan kepada mana-mana tempat sahaja kerana sifatnya yang akan mengikut arus laut.

“Sisa buangan plastik ini boleh jadi dibuang dari negara kita sendiri atau mungkin dari negara lain. Setiap plastik yang dibuang ke dalam laut akan mengikut arus laut sebelum sampai ke tepi pantai.

“Tetapi harus diingat, ketika perjalanan sampah plastik ke tepi pantai ini, ia akan memberi kesan kepada hidupan marin seperti ikan paus, penyu, ikan lumba-lumba, burung camar dan ikan biasa yang kita makan,” katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara yang dikelilingi lautan, Malaysia juga tidak akan terlepas daripada berdepan isu yang kini dianggap sebagai masalah global yang perlu ditangani secara bersama.

Urus sisa buangan

“Apa yang patut kita tekankan

sekarang ialah mengenai bagaimana kita menguruskan plastik dan sisa buangan. Ini kerana kita tidak dapat lari daripada plastik kerana ia adalah antara satu bahan yang sangat cekap dalam kegunaan manusia seharian.

“Kecekapan itulah yang menyebabkan plastik digunakan di merata-rata tempat sama ada sebagai pembungkusan sesuatu produk seperti makanan atau sebagai alat untuk membawa sesuatu barang,” katanya.

Dr Ahmad berkata, pihak berwajib perlu melihat semula bagaimana untuk menguruskan sisa buangan plastik itu sendiri termasuk memperluaskan program kitar semula ke seluruh negara.

Katanya, perkara ini perlu dilakukan dengan serius termasuk memberi kesedaran kepada seluruh lapisan masyarakat mengenai isu ini kerana ia turut memberi risiko kepada kesihatan manusia pada akhirnya.

“Kita kena membudayakan amalan kitar semula ini dan bersama menjaga alam sekitar termasuk tidak membuang mana-mana sisa buangan ke dalam laut.

“Sebab benda ini juga bercun. Apabila ia (plastik) masuk ke dalam ikan dan kita pula yang makan ikan itu, maka racun itu boleh berpindah kepada manusia. Akhirnya kita akan terdedah kepada jerat yang kita sendiri buat,” katanya.